

25/05/2002

Syor bahasa Inggeris 2 subjek masih dikaji

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jawatankuasa khas yang ditubuhkan Kementerian Pendidikan mengenai cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains, masih berbincang berhubung perkara itu.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata jawatankuasa itu perlu mengkaji cadangan menggunakan bahasa Inggeris bagi kedua-dua mata pelajaran dari pelbagai aspek sebelum melaksanakannya.

Bagaimanapun beliau yang juga pengerusi jawatankuasa berkenaan, enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Kita sedang mengkaji mengenainya. Tidak ada kenyataan mengenai perkara itu. Apabila masanya tiba (kita akan umumkan)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perayaan Hari Guru 2002 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pusat Islam, hari ini. Turut hadir, Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Yaacob Wan Ibrahim.

Baru-baru ini Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan Majlis Tertinggi Umno menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran bahasa Inggeris kerana tindakan itu tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Sebaliknya, mencadangkan bahasa itu diperluaskan di sekolah menerusi penggunaannya dalam pengajaran dua subjek utama iaitu Sains dan Matematik bermula pada peringkat Tahun Satu selain memperkenalkan kesusasteraan Inggeris kontemporari.

Beliau yang juga Presiden Umno berkata, cadangan itu dibuat kerana menyedari kepentingan penguasaan bahasa Inggeris oleh rakyat tempatan, khususnya Bumiputera, kerana ia adalah bahasa antarabangsa yang digunakan secara meluas.

Terdahulu pada majlis itu, Abdul Rafie menyampaikan anugerah Tokoh Guru Wilayah Persekutuan kepada empat bekas pendidik.

Mereka ialah bekas Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan, Datuk Abdul Rahim Abdul Hamid; bekas Pengetua Sekolah Menengah Puteri Ampang, Nik Rokiah Nik Mat; bekas guru, James Gonzales serta bekas guru besar, Abdul Manan Mohamed Nor.

Abdul Rafie turut meminta semua guru besar menghantar laporan mengenai perkembangan murid masing-masing ke sekolah menengah apabila mereka memasuki tingkatan satu.

Katanya, langkah itu bertujuan mewujudkan kesinambungan pemantauan terhadap pencapaian murid sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan memastikan kanak-kanak mendapat asas pendidikan yang sempurna.

"Dengan itu, kita boleh melakukan program pemulihan dan pengukuhan bagi murid yang memerlukannya," katanya.

Abdul Rafie berkata, arahan itu bukan perkara baru kerana ia sudah dilaksanakan sebelum ini.

Bagaimanapun, beliau membangkitkan perkara itu supaya guru besar lebih prihatin mengenainya.

Katanya, pemantauan dan laporan pencapaian murid bukan saja perlu dibuat sebagai persediaan ke sekolah menengah, sebaliknya disediakan setiap tahun sebelum mereka melangkah masuk ke kelas baru.

"Kita tidak boleh lepas tangan, sebaliknya semua guru besar perlu memastikan murid menguasai tahap kemahiran yang sepatutnya sebelum naik ke darjah lain.

(END)